

KM arah SDO jelas gerbang kontroversi
Malaysiakini.com
July 20, 2010

Selepas dikritik keras oleh pegawai pembangunan negeri (SDO) Nik Ali Mat Yunos dalam sidang media anjuran Umno, Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng kini tampil membalasnya kembali.

Selepas melawat Taman Botani semalam - di mana terdapat dua pintu gerbang yang didakwa merosakkan pemandangan - Lim mendakwa pegawai lantikan persekutuan itu "secara terbuka dan terang" mensabotaj kerajaan negeri.

"Beliau seperti Napoleon kecil dalam perkhidmatan awam yang mendapat bayaran tinggi tetapi tidak melakukan apa-apa kepada rakyat, bahkan menyebabkan kerugian kepada orang ramai," kata Lim kepada pemberita dalam lawatan itu.

Lim menggesa Nik Ali tampil berterus-terang tentang perbelanjaan berhubung rancangan meruntuhkan pintu gerbang bernilai RM150,000 sebagai pembesaran projek bawah kementerian perlancongan.

Lim mendakwa Nik Ali bertanggungjawab terhadapnya ekoran beliau sebagai "pegawai kawalan yang bertanggungjawab terhadap pengawasan projek."

Pintu gerbang itu, mencetuskan kontroversi apabila rakyat Pulau Pinang dan pelancong mengkritik binaan itu dengan alasan tiada nilai seni dan kebudayaan pada negeri.

Ia disokong oleh tinjauan yang dikalangan kementerian perlancongan menyebabkan menterianya Dr Ng Yen Yen memutuskan bagi meruntuhkannya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/137825>